

UMT buru tempat ke separuh akhir

Giat perkukuh latihan bagi menentang UPM dan UniSZA

NURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS - Pasukan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) giat memperkukuhkan latihan bagi memburu tempat ke separuh akhir Piala Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang sedang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor ketika ini.

Skuad di bawah kendalian Mohd Yasin Ali itu telah bersedia sepenuhnya bagi mengharungi perlawanan peringkat kumpulan bersama Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Meskipun berdepan cabaran getir berada dalam kumpulan B bersama juara bertahan, UniSZA, namun UMT tetap positif mampu memberikan sengit kepada pasukan jirannya itu.

Pengurus pasukan UMT, Zulkifli Mat Khalid berkata, beliau meletakkan keyakinan penuh pasukan yang baharu mengesahkan kedudukan dalam Divisyen 1 Liga Institut Pengajian Tinggi (IPT) musim ini setelah muncul juara divisyen 2

INFO

● UMT tetap positif mampu memberikan sengit

pada Disember lalu itu mampu bersaing.

"Sebelum memulakan saingan, kita telah mempersiapkan pasukan dengan mengadakan perlawanan persahabatan bersama beberapa pasukan pilihan.

"Alhamdulillah, pemain-pemain kita mempamerkan aksi memberangsangkan dan kita harap ia berterusan," katanya.

Menurutnya, sasaran memburu slot ke separuh akhir itu bukan sesuatu yang mustahil jika pemain beraksi pada tahap sebenar.

"Malah, peluang bersaing dalam Piala KPT ini juga merupakan landasan terbaik bagi pemain kita untuk mengukur tahap kemampuan mereka," katanya.

Katanya, meskipun mengakui kemungkinan ada pemain berdepan tekanan bagi

menghadapi perlawanan penting itu, pengurusan pasukan sentiasa memastikan keadaan berkenaan dapat diatasi.

"Kita tak mahu terlalu beri tekanan kepada pemain kita, sebaliknya mereka diingatkan untuk bermain seperti biasa dan memanfaatkan sepenuhnya kemahiran serta latihan yang dijalani sebelum ini.

"Harapan kita agar pasukan UMT dapat bermain dengan baik dan menjadikan perlawanan kali ini sebagai pengalaman berharga untuk saingan terus," katanya.



Zulkifli ketika menyampaikan amanat akhir kepada pemain.



Sesi memanasakan badan.



Sesi motivasi turut diadakan untuk memantapkan semangat pemain.

Pasukan UMT kini berada pada tahap terbaik.



Pemain giat menjalani latihan memantapkan fizikal.